

LALUAN BASIKAL DI PULAU PINANG

- 1.0 Berbasikal adalah mesra alam dan merupakan cara pengangkutan yang efisien di samping menjadi satu cara bersenam. Di Pulau Pinang, penggunaan basikal untuk aktiviti harian dan untuk bersenam sedang menjadi semakin popular. Bilangan penduduk yang berbasikal telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kerajaan Negeri dan MPPP juga memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan seruan *Cleaner Greener Penang*. Halatuju dalam usaha ini perlu diperkukuhkan dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

- 2.0 Sejak dekad 2000 terutama sekali beberapa tahun kebelakangan ini, penggunaan basikal oleh penduduk tempatan mahupun pelancong telah semakin bertambah. Seiring dengan ini, lorong-lorong basikal samada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor telah disediakan di beberapa koridor di bahagian pulau, Pulau Pinang. Koridor-koridor terlibat adalah:-
 - i. Persisiran pantai timur dari Batu Maung ke Queensbay Mall dan dari Pantai Jerejak ke Sungai Pinang.
 - ii. Kawasan pusat bandar George Town dan Zon Warisan.
 - iii. Persiaran Gurney ke Teluk Bahang
 - iv. Teluk Bahang ke Bayan Lepas.
 - v. Laluan di kawasan perkampungan dan tepi pantai di Balik Pulau.




orong basikal di Zon Warisan.

3.0 Kategori-kategori Laluan Basikal

3.1 Secara amnya terdapat 3 kategori utama laluan basikal yang telah disediakan di bahagian pulau, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di gambarajah-gambarajah berikut. iaitu:-

- i. Kategori 1 – Laluan basikal yang disediakan secara berasingan dengan kenderaan bermotor.


Gambarajah 1: Laluan Basikal Kategori 1



Laluan basikal ini boleh disediakan secara berasingan dengan laluan pejalan kaki sekiranya diperlukan. Kelebaran minima laluan adalah 1.5 meter untuk sehala dan 2.5 meter untuk dua hala.


- ii. Kategori 2 – Laluan basikal yang disediakan di atas jalan (carriageway) dengan lorong berasingan

Gambarajah 2: Laluan Basikal Kategori 2



- iii. Kategori 3 – Laluan basikal yang disediakan di atas jalan (carriageway) tanpa lorong berasingan

Gambarajah 3: Laluan Basikal Kategori 3



- 4.0 Untuk melengkapkan rangkaian laluan basikal secara berperingkat MPPP telah menetapkan bahawa untuk pemajuan baru penyediaan laluan basikal dan kategorinya disediakan mengikut sesuatu resab jalan seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Penentuan Kategori Laluan Basikal Mengikut Kelebaran Resab Jalan

Bil	Kelebaran Resab Jalan	Kategori Laluan Basikal
1.	40 kaki	Dikecualikan
2.	50 kaki	3
3.	66 kaki hingga 99 kaki	2
3.	100 kaki dan ke atas	1



Laluan Khas Basikal di Zon Warisan

5.0 Dalam konteks pemajuan baru, syarat-syarat yang ditetapkan adalah:-

- i. Semua pemajuan baru disediakan dengan laluan basikal Kategori 1, 2 dan 3 mengikut kelebaran resab jalan yang menghadapi pembangunan berkenaan. Pemajuan yang menghadapi jalan dengan kelebaran resab 40 kaki adalah dikecualikan daripada penyediaan laluan basikal.
- ii. Dalam keadaan di mana lorong basikal Kategori 1, 2 atau 3 tidak dapat disambung kerana bahagian-bahagian tepi pemajuan masih tidak dibangunkan lagi, maka resab bertar mestilah disediakan oleh pemaju untuk membolehkan laluan diwujudkan pada masa hadapan.
- iii. Untuk pembangunan komersial, pusat-pusat membeli belah, tempat tumpuan pelancong, kawasan riadah, institusi-institusi pendidikan serta hub-hub dan terminal pengangkutan awam, petak dan rak untuk membolehkan basikal dikunci disediakan mengikut peratus yang ditetapkan untuk penyediaan petak motosikal. Tambahan 20% daripada petak letak motosikal disediakan untuk perletakan basikal.
- iv. Tempat mandi, bilik persalinan dan tempat menyimpan barangan disediakan untuk pembangunan komersial, pejabat dan institusi pendidikan yang meliputi luas lantai terbina (built-up floor area) melebihi 50,000 kaki persegi atau 4,647 meter persegi. Keluasan lantai sekurang-kurangnya 250 kaki persegi atau 23 meter persegi disediakan untuk kemudahan ini. Tambahan seluas 10 kaki persegi atau 3.05 meter persegi untuk kemudahan pengguna basikal disediakan untuk setiap tambahan 10,000 kaki persegi atau 3,050 meter persegi keluasan lantai pembangunan terlibat.


- v. Papan tanda dan garisan jalan untuk laluan basikal diadakan mengikut piawaian yang digunapakai oleh MPPP.

6.0 MPPP juga sedang mengkaji penggunaan kawasan tepi sungai untuk laluan basikal dengan menggunakan resab Jabatan Pengairan dan Saliran sediaada. Sungai-sungai menghubungkan kawasan pedalaman (berbukit) ke kawasan-kawasan tepi pantai (muara). Resab sungai biasanya jarang digunakan kecuali untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan dapat dioptimalkan dengan penyediaan laluan basikal. Pemaju-pemaju pembangunan tepi sungai dikenakan syarat untuk menyediakan lorong tambahan selebar 1.5m kepada resab sungai untuk mewujudkan laluan basikal Kategori 1.



Laluan Basikal Sediada di Persisiran Pantai Timur Pulau

7.0 Kerajaan Negeri bersama MPPP telah merancang untuk menyediakan laluan basikal di sebahagian Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Pelan Laluan Basikal. Sebahagian daripada rangkaian Pelan Laluan Basikal telah disiapkan dan perancangan sedang dibuat untuk menghubungkan dan untuk menyiapkan seluruh rangkaian laluan basikal pada tahun 2015. Pandangan dan penerimaan umum terhadap perancangan rangkaian laluan basikal adalah penting untuk mengkaji kesesuaiannya dan seterusnya membolehkan perancangan yang lebih baik disediakan. Sehubungan itu, orang ramai adalah dijemput untuk memberi pandangan dan input terhadap perancangan laluan basikal ini dengan menulis kepada Pengarah Kejuruteraan MPPP, Tingkat 13, Komtar, Jalan Penang, 10675 Pulau Pinang atau e-mel kepada rajendra@mppp.gov.my.



Pelan Laluan Basikal